

06/08/1999

Wanita Umno perlu rapatkan kembali jurang

Jamhariah Jaafar

TINDAKAN Majlis Tertinggi (MT) Umno membatalkan keputusan rombakan Exco Pergerakan Wanita Umno kelmarin telah menyelamatkan satu keadaan yang mungkin boleh menimbulkan perasaan tidak senang hati di kalangan anggota pergerakan itu.

Sebelum ini rombakan Exco pergerakan itu yang diumumkan oleh ketuanya Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman Isnin lalu dianggap boleh menyebabkan pergerakan itu menghadapi masalah kerana ia dikatakan dibuat tanpa musyawarah dengan anggota Exco lain. Dengan keputusan MT itu, keraguan dan perasaan kecil hati mulai reda.

Siti Zaharah tidak seharusnya berkecil hati kerana apa yang dilakukan oleh MT adalah untuk kebaikan. Rombakan itu mungkin dianggap tidak sesuai buat masa ini memandangkan pilihan raya akan menjelang tidak lama lagi. Walaupun sebelum ini Siti Zaharah menegaskan beliau bertanggungjawab atas segala tindakan yang dilakukan, beliau mungkin terpaksa bekerja lebih keras untuk memastikan semua ahli Exconya mematuhi arahnya dan memberi sokongan padu, terutama bagi memastikan kelancaran tugas yang dibebankan ke atas Wanita pada pilihan raya akan datang. Bukan menjadi rahsia bahawa tindakan Zaharah itu tidak disenangi oleh Exconya sendiri.

Dengan keputusan MT, segala-galanya harus dilupakan kerana perjuangan yang menanti begitu hebat. Yang pasti, pergerakan itu perlu memastikan kecemerlangan pada pilihan raya nanti.

Dengan perkembangan baru itu, Zaharah sepatutnya memanggil mesyuarat Exconya seberapa segera bagi menjelaskan tindakannya itu untuk menyejukkan suasana.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang difahamkan tidak begitu berpuas hati dengan tugas yang dilaksanakan Wanita selama ini mengadakan pertemuan dengan ahli Exco pergerakan itu Jumaat lalu dan memberi arahan cukup tegas supaya Wanita memperkemaskan jentera kempen pilihan rayanya.

Bagaimanapun Siti Zaharah menafikan dakwaan bahawa Dr Mahathir tidak berpuas hati dengan Wanita Umno yang agak 'lembap' dalam membuat persediaan menghadapi pilihan raya.

Sebaliknya beliau mengakui jenteranya pada peringkat akar umbi agak lemah dan laporan yang diserahkan tidak sampai pada pucuk pimpinan dengan pantas.

"Ini adalah antara beberapa kelemahan kami. Sebagai ketua saya tidak boleh menjalankan tugas seorang diri, sebaliknya perlu mengagihkan tugas kepada ketua-ketua di peringkat Exco, negeri, bahagian dan cawangan.

"Tetapi masalahnya sekarang ialah kelewatan saya menerima laporan untuk membuat sebarang tindakan terhadap sebarang isu yang timbul," katanya.

Selain itu katanya, kekurangan peralatan teknologi maklumat di seluruh negara juga memperlahankan sistem komunikasi antara peringkat akar umbi dan ibu pejabat.

Siti Zaharah berkata, ketika ini hanya Selangor saja mempunyai peralatan yang cukup, tetapi negeri lain mengalami kekurangan yang sungguh nyata.

"Saya bukan mencari alasan tetapi ini adalah antara masalah yang kami hadapi sekarang," katanya.

Bagaimanapun beliau enggan mengulas walaupun ditanya berkali-kali sama ada beliau berpuas hati dengan barisan Exco yang ada sekarang.

"Saya tidak mahu mengkritik sesiapa kerana ini bukanlah masanya. Apa yang saya mahu sekarang ialah kerjasama yang lebih mantap dan padu

daripada semua pihak bagi memastikan Wanita Umno menjalankan tugas berat yang diserahkan kepada kita," katanya.

Seperti biasa Wanita ditugas sebagai perayu undi dan setiap bahagian dijangka mempunyai antara 500 hingga 1,500 perayu undi untuk membantu BN kali ini.

Di samping itu pimpinan peringkat akar umbi pergerakan itu juga meningkat kempen Gerak 10 (seorang ahli berusaha mendapatkan 10 ahli baru) dan Gerak Mesra.

Isnin lalu, Siti Zaharah mengumumkan rombakan barisan Exconya dan kepimpinan peringkat negeri dengan menggugurkan dua Ketua Wanita Negeri, Sharifah Aminah Syed Mohamed di Pulau Pinang dan Azizah Abdul Samad di Wilayah Persekutuan.

Manakala bekas Ahli Dewan Undangan Lumadan, Sabah, Datuk Dayang Mahani Tun Pengiran Ahmad Raffae juga digugurkan sebagai ahli Exco Wanita Umno dan naib ketua Wanita Sabah.

Pengganti mereka ialah Senator Che Jam Harun sebagai Ketua Wanita Pulau Pinang yang baru dan Rokiah Bee Hassan sebagai naibnya; manakala Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lumadan, Sabah, Surinam Sadikun dilantik sebagai Exco baru dan naib ketua Wanita Sabah. Satu lagi Exco baru yang dilantik ialah Hamiah Khatib Awang dari Pahang.

Dengan keputusan MT yang dipersetujui oleh Zaharah sendiri, bermakna rombakan itu kini terbatal. Sekarang, Zaharah seharusnya merapatkan semula jurang yang mungkin wujud berikutan keputusannya itu.

(END)